



---

**Membina Insan dan Peradaban Madani:  
Idealisme dan Realisme**

**Mahirah Masdin**

**Pengenalan**

Adakah masyarakat masa kini hidup secara bertamadun? Hampir setiap masyarakat dalam dunia mengisytiharkan mereka menjalani kehidupan bertamadun. Mereka percaya kehidupan bertamadun itu bermakna mempunyai jaminan pekerjaan, kelestarian sumber makanan, kemakmuran sistem ekonomi, literasi dan pendidikan seimbang, dinamisme perbandaran, kestabilan politik dan kelengkapan infrastruktur dan sebagainya. Konsepsi tentang ketamadunan dan komodenan yang ditakrifkan dalam kehidupan masa kini amat membimbangkan kerana ia boleh membahagikan kelompok masyarakat kepada dua bahagian iaitu yang moden dan primitif, yang tinggal di bandar dan tinggal di kawasan pedalaman. Sekiranya hanya masyarakat yang tinggal di bandar dianggap sebagai bertamadun, adakah masyarakat yang berada di kawasan pedalaman itu dianggap sebagai kolot? Walaupun mereka menyedari keberadaan dan kelangsungan pembangunan dunia moden, tetapi mereka tetap mengekalkan nilai jatidiri budaya sendiri untuk menyelamatkan diri daripada diperhambakan oleh arus kemodenan. Oleh itu, untuk menjawab persoalan setakat mana masyarakat masa kini hidup secara bertamadun, adalah lebih baik untuk memahami makna tamadun terlebih dahulu, kepentingan budaya lokalistik dalam kehidupan dan sendi kehidupan penting yang perlu dipelihara demi memastikan mereka terus hidup dalam ketamaduan sembari mengekalkan budaya asalnya.

**Akar Ketamadunan dan Igauan Kemodenan**

Apakah makna tamadun? Apakah ciri utama yang disebutkan sebagai tamadun sekali gus melambangkan ketamadunan? Untuk menggarap maksud tamadun dengan lebih jelas, adalah lebih baik untuk memahami sejarah ringkasnya. Persoalannya, bilakah tamadun bermula? Akan

tetapi, untuk menetapkan dengan lebih tepat tahun bermulanya kehidupan bertamadun adalah sukar kerana terdapat kerencaman pandangan mengenainya. Pada asasnya, penanda aras bagi permulaan tamadun dapat ditelusuri dengan bermulanya aktiviti pertanian. Kenapa dengan pertanian? Pertanian merupakan aktiviti novis manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan memenuhi keperluan asas seharian, khasnya makanan. Tanpa makanan, manusia akan pupus. Tanpa makanan, tamadun pasti musnah. Oleh itu, terdapat dua aspek yang perlu dipenuhi iaitu sumber makanan dan sumber ekonomi.

Dipercayai bahawa pertanian merupakan indikator penting yang menandakan kemunculan tamadun. Tamadun manusia dikatakan bermula di Mesopotamia. Kemudian, disusuli kemunculan tamadun di Mesir sekitar 5,000 tahun dahulu (Kabuye, 2016). Di Mesopotamia, muncul kerajaannya yang terawal iaitu Sumeria (3500 SM) dan diakhiri dengan Chaldea (539 SM). Pada masa ini, tamadun Mesopotamia telah menjadi sebahagian daripada Iraq, Syria, Turki dan Iran. Kerajaan Sumeria dikembangkan dengan membina penempatan, menjalankan aktiviti pertanian, membuat sistem saliran dan membangunkan sistem perbandaran. Dalam perkembangan berkaitan, tamadun turut muncul di China dan India (Kabuye, 2016). Di China, tamadun terawalnya berkembang dengan kemunculan tamadun Huang He (dikenali sebagai Sungai Kuning). Kegiatan awal mereka berfokuskan kegiatan pertanian, penternakan, mengumpul hasil hutan dan berburu.

Kenapakah aktiviti pertanian dijadikan sebagai kayu ukur genesis ketamadunan? Aktiviti pertanian telah menjadi wadah dan katalis penciptaan teknologi (bermula dengan peralatan kayu dan batu) yang digunakan untuk melancarkan kegiatan pertanian. Peralatan tersebut digunakan untuk bercucuk tanam, menangkap dan menyembelih haiwan (untuk tujuan makanan), membuat pakaian dan sebagainya. Penciptaan alat pertanian daripada batu kepada besi memerlukan kemahiran khusus, seperti pengeluaran dan melebur logam sekali gus mencetuskan perkembangan kemahiran berteknologi tinggi yang lain. Dengan berkembangnya kemahiran teknologi peleburan logam, ia memacu perkembangan teknologi yang lebih canggih pula, seperti penempatan tetap penduduk. Apabila berlaku suatu bentuk penempatan tetap, maka muncullah pelbagai sistem progresif dan dinamik yang meningkatkan tahap progresisme dalam kehidupan komuniti tersebut, merangkumi dimensi politik, ekonomi, sosial, budaya, seni, pendidikan dan sebagainya. Bermula dari titik inilah, kehidupan bertamadun boleh

berkembang dari peringkat yang asas sehinggalah ke tahap yang lebih maju, dengan membentuk sistem dan struktur ketamadunan yang holistik.

Sistem ekonomi dan politik merupakan dua ciri yang sangat penting dalam perkembangan ketamadunan, namun ada kalanya krisis krusial ekonomi dan politik boleh menyebabkan kehancuran tamadun itu sendiri. Sistem politik membentuk, menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang bagi memastikan masyarakat hidup dalam norma yang telah ditetapkan, manakala sistem ekonomi berperanan definitif untuk menghasilkan dan mengagihkan sumber kekayaan, serta membuka peluang ekonomi dan pelbagai perkhidmatan agar masyarakat dapat menikmati hak dan keadilan dalam peradabannya (Kabuye, 2016).

Secara asasnya, tamadun yang dipercayai bermula dengan aktiviti pertanian telah membuka ruang kepada perkembangan taraf kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, kata kunci yang menunjukkan secara jelas maksud tamadun adalah berkembang atau membangun. Justeru, perkembangan tamadun perlu melibatkan sekumpulan manusia intelektual yang membentuk masyarakat berketamadunan (Cheshev, 2016). Menerusinya, pembangunan akan berlaku dari satu tahap ke tahap yang lebih maju, dengan membina elemen penempatan yang tetap dan terlibat dalam pengkhususan aktiviti ekonomi dan sosial lantas membawa kepada pembangunan peradaban secara mujmal dan mangkus. Seperti awalnya, bermulanya tamadun manusia ditandai dengan aktiviti pertanian dengan menggunakan kayu dan batu; seterusnya masyarakat (khususnya kaum intelektual) mencetuskan idea genius untuk melancarkan lagi aktiviti bercucuk tanam, dengan menggunakan logam. Kemudian, masyarakat mula membina penempatan tetap untuk dibangunkan dan diwariskan kepada generasi berikutnya lalu membentuk suatu sistem yang mapan untuk keseluruhan masyarakatnya demi memastikan kehidupan mereka lebih tersusun dan teratur dalam semua aspek ketamadunan.

Rangkuman konsep dan definisi tamadun, seperti disentuh tadi, dapat digarap dengan lebih mendalam lagi menerusi beberapa idea terpilih, misalnya perspektif Targowski (2009): penulis ini mendefinisikan tamadun sebagai pencapaian tahap tinggi dalam aspek budaya, sains, industri dan pentadbiran kerajaan. Signifikasi elemen pencapaian dalam mendefinisikan tamadun turut digunakan McGaughey (2000). Dia menjelaskan tamadun merupakan suatu bentuk pencapaian (manusiawi dan bendawi) yang makroskopik – meliputi seluruh aspek kehidupan – dalam masyarakat tertentu. Justeru, bagi McGaughey (2000), manusia primitif

belum lagi layak dianggap sebagai manusia bertamadun kerana mereka tidak mempunyai nilai budaya yang tinggi, malah budaya terus berkembang secara dinamik dan menjadi lebih progresif.

Sementara takrifan Blaha (2002) lebih konkrit sifatnya. Tamadun ditakrifkan sebagai sekumpulan manusia yang berkongsi budaya yang sama dan lazimnya menggunakan bahasa pertuturan yang sama dalam lokaliti yang sama. Takrifan Targowski (2004) pula kelihatan abstrak. Penulis itu memerihalkan tamadun sebagai struktur bahan maklumat yang dibentuk oleh manusia untuk membolehkan mereka beradaptasi dengan lebih efektif dalam kehidupan yang melibatkan tiga arah hubungan – diri sendiri, alam dan Tuhan. Tamadun menjadi aspek penting yang dapat membezakan antara manusia sivilistik dengan manusia primitif dan haiwan. Selanjutnya, Targowski (2004) menggariskan tiga elemen utama tamadun:

- a) **Kumpulan manusia** – keteraturan tatafikir dan tatalaku dalam pembentukan tamadun.
- b) **Kebudayaan** – nilai dan simbol budaya yang membentuk corak tingkah laku manusia, emosi dan reaksi. Budaya bukanlah bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup materialisme, tetapi dimanfaatkan untuk membentuk nilai kehidupan dan menetapkan simbol sebagai mewakili budaya tersebut.
- c) **Prasarana** – teknologi yang digunakan untuk memperoleh atau menggunakan bahan lain untuk tujuan kemajuan hidup duniawi.

Kabuye (2016) menggarisbawahi lima elemen tamadun: (i)sistem moral dan undang-undang untuk mengawal tingkah laku manusia, (ii)teknologi canggih untuk menggalakkan proses komunikasi dan penghasilan barang; (iii)kerajaan yang berperanan untuk melindungi keadilan dan hak individu dalam masyarakat, (iv)bekalan makanan untuk memastikan pertumbuhan populasi dan (v)budaya. Jika diperhatikan beberapa definisi terpilih mengenai tamadun, elemen budaya diberikan penekanan kerana budaya mempunyai kedudukan yang amat kritikal dalam kehidupan masyarakat berperadaban. Elemen budaya bukan sahaja membentuk masyarakat yang bertamadun secara luaran, malah ia turut memberi impak dalaman terhadap individu dalam masyarakat secara khusus yakni impak ke atas gaya pemikiran dan sikap mereka.

### **Impak Terhadap Tatafikir dan Tatalaku**

Pemikiran merupakan proses mental; manusia membentuk penyatuan psikologikal dengan model dunia sebenar. Pemikiran merupakan asas kepada semua aktiviti kognitif. Ini merupakan proses yang unik sifatnya bagi setiap manusia. Ia melibatkan manipulasi dan analisis maklumat yang diterima daripada persekitaran. Pemikiran juga dianggap sebagai perwakilan kepada sesuatu. Contohnya, melihat lukisan. Individu pertama berkemungkinan tidak hanya memberi perhatian kepada warna atau garis halus yang digunakan atas lukisan tersebut; sebaliknya dia menginterpretasikan maksud warna atau maklumat yang cuba disampaikan oleh pelukis tersebut. Manakala, individu kedua berkemungkinan memfokuskan keindahan warna dan jenis warna yang digunakan oleh pelukis, namun dia tidak cuba mencari makna yang disampaikan menerusi lukisan itu. Interpretasi setiap individu adalah berbeza mengenai lukisan berkenaan. Jelas, pemikiran setiap individu adalah unik.

Pemikiran melibatkan proses mental yang tinggi apabila seseorang itu menggunakan kemahiran kognitifnya untuk memproses dan memanipulasi maklumat. Manipulasi dan analisis terhadap maklumat tersebut berlaku melalui proses abstrak, penaakulan, imaginasi, menyelesaikan masalah, penilaian dan pembuatan keputusan (Sternberg & Funke, 2019). Proses pemikiran atau berfikir berlaku secara dalaman iaitu proses mental yang diinterpretasikan kepada luaran dalam pembentukan tatalaku. Dengan ini, elemen-elemen yang mempengaruhi pemikiran adalah sangat kritikal kerana ia akan dizahirkan secara nyata dalam bentuk fizikal (tatalaku). Apabila dizahirkan dalam bentuk tatalaku, maka interpretasi persekitaran terhadap individu tersebut juga akan berlaku. Persekitaran akan mempengaruhi bagaimana individu tersebut berfikir, bertindak laku dan membuat keputusan. Dengan ini, titik tolak terpenting bagi setiap individu ialah pemikirannya.

Dalam konteks ini, pemikiran sering diletakkan di bawah cabang falsafah psikologi. Aristotle percaya pemikiran merupakan prasarana mental yang berfungsi untuk memahami sifat manusia (Shadrikov, Kurginyan & Martynova, 2016). Beliau menegaskan setiap jiwa (diri manusia itu sendiri) diilustrasikan menerusi tatafikir dan tatalakunya (Shadrikov, Kurginyan & Martynova, 2016). Berlunaskan latar neurofisiologikal, secara umumnya, pemikiran diterima sebagai proses mental (dalaman) yang berkembang untuk memastikan kelangsungan hidup manusia dalam persekitaran yang serba rumit disebabkan oleh cabaran dan kesan pembangunan (Shadrikov & Cheremoshkina, 1990).

Menerusi proses pemikiran, manusia dapat mengelakkan dirinya dan mengatasi pelbagai bahaya. Dengan memproses maklumat yang diterimanya daripada persekitaran, manusia mampu membentuk tingkah laku yang bersesuaian dengan situasi yang dihadapinya. Justeru, manusia yang berfikir akan berasa selamat apabila dia beradaptasi dengan persekitarannya. Oleh itu, persekitaran memainkan peranan yang amat penting dalam proses berfikir dan bertindak laku demi melindungi kelangsungan dirinya. Kenapa? Fitrah manusiawi merupakan entiti luhur dalam persekitaran hidup mereka, bermula dari kelahiran sehingga kematian. Setiap individu akan berasa selamat apabila dia dapat memastikan dirinya menjadi anggota dalam suatu persekitaran (masyarakat) dan kehadirannya dalam persekitaran tersebut tidak terancam. Natiujahnya, mereka akan mengadaptasi sifat-sifat yang diterima dan bertindak laku mengikut norma persekitaran atau menuruti nilai budaya domestik sebagai tunjang dalam lingkungan persekitaran itu sendiri.

### **Membentengi Budaya dan Memacu Peradaban**

Tamadun dikaitkan secara meluas dengan budaya. Budaya membentuk gaya pemikiran dan rentak perlakuan individu dalam masyarakat dan proses dinamik ini dapat mengekalkan prestasi tamadun tersebut. Tamadun merupakan keseluruhan gaya hidup manusia yang produktif dan progresif, termasuklah dalam konteks nilai, norma, piawai (standard atau penanda aras), gaya pemikiran dan perkembangan dalam kesemua aspek penting kehidupan. Sememangnya budaya bukan kebendaan yang tidak melibatkan sains, industri dan pentadbiran kerajaan perlu diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain, seperti kepercayaan, tradisi, adat, bahasa dan nilai (Sowell, 1994).

Dalam erti kata lain, budaya ialah minda dan jiwa masyarakat, manakala tamadun adalah bentuk dan acuannya. Kedua-duanya mempunyai perbezaan tertentu, namun saling melengkapi antara satu sama lain. Budaya merupakan hasil pemikiran setiap masyarakat dan menjadi simbol ketamadunan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, sifat budaya adalah khusus dan diwarisi. Sementara itu, tamadun yang bersifat sejagat tidaklah semestinya diwarisi kerana ia berkembang mengikut keperluan semasa dan kesesuaiannya dengan budaya masing-masing. Ini bermakna apabila tamadun berubah, maka komponen budaya dalam masyarakat itu juga berubah, bagaikan aur dengan tebing. Pada abad ke-19, para pemikir Jerman telah membezakan antara tamadun dan budaya: tamadun sebagai teknologi, mekanisme, peralatan yang canggih,

manakala budaya sebagai nilai, ideal, pemikiran intelektual dan kualiti moral (Kitchen, 2006). Namun, Oswald Spengler (1936) percaya salah satunya (tamadun atau budaya) harus mendahului yang lain. Walaupun kedua-duanya saling dibezakan, tetapi tamadun memberikan implikasi yang lebih inklusif terhadap masyarakat, terutamanya dalam gatra gaya pemikiran.

Peranan dan kepentingan budaya ke atas masyarakat yang paling ketara dan dapat dinilai secara rasional ialah cara berfikir atau gaya pemikiran (Barrett, 2020). Budaya juga melibatkan elemen kehidupan yang bukan material, seperti nilai, adat, kepercayaan, tradisi dan kualiti moral (Wang, 2007). Budaya dipercayai berperanan penting untuk membentuk dan memacu perubahan masyarakat. Namun, bagaimanakah ia memberi kesan signifikan ke atas cara berfikir? Budaya mempunyai impak yang besar dalam membentuk cara berfikir generasi muda dan tatalaku mereka. Cara berfikir tersebut mempengaruhi tatalaku mereka kerana ia memberikan impak terhadap sikap yang lazimnya beradaptasi dalam masyarakat, budaya lain atau perubahan pembangunan yang berlaku dari semasa ke semasa.

Meskipun begitu, sebelum membentuk cara berfikir atau bertingkah laku, elemen nilai lebih utama diterapkan kerana nilailah yang menjadi sandaran kepada tatafikir dan tatalaku. Nilai lazimnya terbentuk daripada norma dan norma pula dibentuk berakarkan susun atur sistem kemasyarakatan yang menetapkan norma kolektif – apa yang baik atau tidak baik. Nilai ialah elemen penting yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi menerusi implementasi budaya dan disubursemakkan atau dimodifikasikan seiring dengan perkembangan tamadun.

Contohnya, pantang larang dalam masyarakat Melayu menegaskan kepentingan amalan menghabiskan nasi di atas pinggan kerana sebutir nasi ibarat setitik peluh petani. Pantang larang ini sebenarnya mempunyai makna tersirat yang murni iaitu melarang pembaziran lantaran setiap rezeki yang diperoleh merupakan hasil keringat kaum petani. Jelas, pemahaman tersebut memberikan implikasi moralistik terhadap cara berfikir anak-anak Melayu agar mereka sentiasa menghargai pengorbanan orang lain dan mensyukuri rezeki yang mereka nikmati. Bahkan, pantang larang itu sendiri mengasah tatafikir dan mengasuh tatalaku mereka sekali gus menolak sikap egoistik dan individualistik, serta sentiasa mengutamakan nilai altruisme (kebajikan) dalam kehidupan berketamadunan.

Gaya pemikiran merupakan kemahiran relatif yang ada dalam diri setiap manusia rasional. Namun, aspek yang membezakan gaya pemikiran masing-masing ialah latar belakangnya, seperti gender, budaya, pendidikan, institusi keluarga atau agama anutannya (Francois, Antoine, Sharon, Leonardo Cruz, Sandra, Juan Felipe et al., 2022). Dalam konteks ini, seseorang yang masih berpegang teguh dengan nilai budaya dalam aspek kehidupannya, sudah semestinya dia akan mempertimbangkan latar belakang yang membentuk pemikirannya, bagi mengelakkan dirinya daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai budaya dan agama (Norazimah, Naffi, Hasrina & Minah, 2016). Sebagai contohnya, generasi muda Muslim tidak akan melakukan perbuatan sumbang yang dilarang oleh budaya dan agamanya, seperti minum arak dalam majlis keramaian. Biarpun meminum arak mungkin dianggap sebagai gaya hidup moden dalam bersosialisasi dalam majlis keramaian, namun individu Muslim tetap berpegang teguh dengan nilai agama dan norma budayanya kecuali mereka hanyalah Islam pada namanya sahaja.

### **Mewaspada Kebejatan Modernisme Barat**

Budaya popular merupakan fenomena sosial yang mempunyai besar terhadap golongan muda, sekalipun budaya tersebut bukan berasal daripada budayanya sendiri dan bercanggahan dengan nilai budaya asal, tetapi tetap dijadikan sebagai trend. Budaya popular berkemungkinan telah lama muncul, sekitar pada abad ke-19 atau lebih awal lagi, semenjak penyalinan arca dilakukan oleh bangsa Romawi kerana mereka menggilai arca milik bangsa Greek pada zaman perluasan empayar Rom ke Greek (Shaliza, Fazlina, Nurkhalizah & Nur Hasliza, 2015). Berikutnya, ia menjadi ikutan semasa lantas merebak dalam budaya bangsa Romawi. Natijahnya, mereka menjadikan penghasilan arca sebagai salah satu budaya mereka sendiri. Akan tetapi, peniruan (atau lebih lunak lagi disebut sebagai penyalinan) budaya luar yang dilakukan bangsa Romawi merupakan suatu tindakan yang tidak bercanggah dengan budaya mereka; malah, ia menyemarakkan kemahiran baharu dalam penghasilan arca. Asimilasi budaya asing (Greek) dalam budaya mereka (Romawi) merupakan tindakan reseptif kerana ia menyemarakkan lagi kreativiti dan inovasi kesenian pada era seni klasikal Greek dan Rom.

Berbeza dalam konteks masa kini, peresapan budaya global (luar) dalam budaya glokal (asal) telah memberikan impak bobroksime ke atas cara berfikir masyarakat sekali gus menghakis nilai budaya lokalistik mereka sendiri. Sebagai contohnya, menularkan budaya hedonisme

Barat dalam budaya tempatan kerana hiburan Barat, biarpun liar dan lucah, dianggap lebih “moden”. Gejala sosial ini sangat jelas mewabaki tatafikir dan tatalaku generasi muda yang mudah dipengaruhi budaya luar menerusi platform media sosial sekali gus menjadi suatu trend kontemporari. Mereka menjadi tergilagilakan budaya hedonisme Barat semata-mata untuk menunjukkan diriya moden. Propaganda *FMO* (*fear of missing out*) merupakan istilah hedonisme yang diperkenalkan pada tahun 2004 untuk menjelaskan fenomena *FMO* dalam media sosial (Gupta & Sharma, 2021). Terdapat dua proses *FMO* iaitu (i) persepsi rasa ketinggalan dan (ii) persepsi tersebut mendorong netizen untuk bertingkah laku mengikut norma media sosial bagi mengekalkan hubungan sosial sesama mereka (Altuwairiqi, Jiang & Ali, 2019), kendatipun ia merupakan tingkah laku kompulsif dan bercanggah dengan budaya domestik.

Menurut pandangan simplistik mereka, trend ini berbentuk akulturatif iaitu mengadaptasikan budaya luar dalam budayanya sendiri. Mereka menduga masyarakat turut menerima perubahan tersebut secara total, seiring dengan arus kemodenan (Shaliza et al., 2015). Namun, adakah akulturasi tersebut akan menatijahkan perubahan fatalistik terhadap nilai budaya asal sehinggalah tidak ada satu pun elemen budaya asal yang dapat dipertahankan? Elemen kritikal yang manakah akan mengubah keseluruhan budaya tersebut, termasuklah pemikiran generasi muda? Pada asasnya, amalan budaya dan perubahan gaya pemikiran yang berlaku seiring dengan peredaran semasa dianggap berunsur positif kerana ia memberikan peluang kepada masyarakat untuk terus berkembang maju. Namun, elemen bobrokisme dalam perubahan itu telah diterima secara membuta tuli atas nama kemodenan. Akibat teruja dengan pengaruh budaya luaran, mereka sanggup mengabaikan dan mengenyepikan norma yang ditetapkan dalam budaya mereka sendiri; walhal hakikatnya, budayalah yang berperanan vitalistik sebagai pelindung dan pengatur hidup individu dan masyarakat, apatah lagi dalam konteks pemikiran dan tingkah laku. Jelas, budayalah yang membentuk tatafikir dan tatalaku, bukan sebaliknya. Kini, situasinya telah berubah – pemikiran yang menentukan budaya akibat terpedaya (terikut-ikut secara semberono) dengan gaya dan cara hidup moden.

Pada hemat penulis, terdapat banyak isu terkini yang senyatanya menampakkan masyarakat kontemporari mula merekayasa dan merekonstruksi budaya mengikut tatafikir dan tatafikir yang bersesuaian dengan arus modenisasi. Peresapan budaya baharu (luar dan asing) berlaku dengan menularkan budaya tersebut dalam ruang budaya tempatan sehinggalah budaya luar itu

pula yang diterima sebagai norma baharu. Sememangnya tidak dapat dinafikan, budaya boleh berubah apabila beradaptasi dengan budaya luar, namun bukanlah dengan cara mengikishapuskan nilai budaya asal dengan anggapan simplistik kononnya budaya asal bersifat kolot dan reput, manakala budaya luar kesemuanya disangka baik dan betul. Yang lebih merisaukan, apabila cara fikir dan tingkah laku yang didakyahkan oleh budaya luar disangkakan lebih bertamadun berbanding budaya lokalistik. Ini memperlihatkan kekeliruan terhadap paradigma ketamadunan, manakala kerancuan kemodenan merupakan ancaman terhadap keluhuran nilai dan ketahanan budaya tempatan.

Pemikiran masyarakat terkini cenderung dipengaruhi gaya hidup dan budaya moden Barat (Kenispaev, Vakaev, Markin & Serova, 2019). Kemodenan disalahangapkan sebagai ketamadunan. Elemen penting dalam ketamadunan – demokrasi, masyarakat egalitarian, masyarakat sivil, kesamarataan gender dan sebagainya – merupakan gagasan konstruktif dan komprehensif mengenai pencapaian hebat manusia zaman berzaman. Mereka bukanlah manusia “moden”, tetapi manusia bertamadun. Perlu ditegaskan, pencapaian ini bukanlah semata-mata sumbangan peradaban Barat, bahkan kehidupan manusia bertamadun jelas lebih awal dan lebih maju di Timur berbanding di Barat. Bagaimanapun, akibat terkesima dengan budaya luar (segala yang berasal daripada budaya asing disangka sempurna), masyarakat pascamodenisme dewasa ini bukan sekadar terjerumus dalam kekeliruan yang membingungkan, bahkan luntur kefahaman dan kepercayaan mereka terhadap nilai budaya mereka sendiri (Stirner, 1994).

Perlu disedari, kemajuan dalam ketamadunan merupakan pencapaian dan perkembangan manusia yang layak dibanggakan, namun andai cara fikir dan tingkah laku mereka terbabas daripada nilai domestik dan budaya lokalistik, ia akan menatijahkan impak bobrokisme ke atas identiti ketamadunan mereka sendiri. Masyarakat kontemporari semakin terperangkap dengan rima hidup modenisasi dan rentak fikir modenisme semata-mata untuk memastikan hidup mereka seiring dengan trend kemodenan. Inilah persepsi sesat yang dianggap sebagai penanda aras ketamadunan. Akibatnya, mereka telah memudarkan nilai dan budaya asal mereka sendiri sebagai tuas tatafikir dan teras tatalaku yang diwarisi turun temurun dalam sfera peradaban Timur.

Mengejar kemodenan yang disilapfahami sebagai menjunjung ketamadunan merupakan wabak pemikiran yang amat berbahaya. Penularannya bermula angkara meneguk bulat-bulat gaya hidup dan cara fikir “moden” sehinggalah wabak ini menjangkiti pemikiran sosial (Stirner, 1994). Lebih parah lagi, pencandu kemodenan menjadikan modenisme sebagai perlumbaan: berlumba-lumba mengikuti arus modenisme tanpa menyedari bahaya dan bahannya terhadap masyarakat dan budaya tempatan. Tanpa disedari, modenisme telah membutakan mata hati mereka sendiri akibat terjerumus dalam kawah kehidupan moden. Puncanya, mereka menduga ketamadunan sama persis dengan kemodenan, padahal mereka sebenarnya hanyut dan lemas dalam budaya moden yang sangat asing dengan budaya lokalistik. Kemodenan telah menjadi virus yang menjangkiti tatafikir dan tatalaku masyarakat kontemporari lantas memberikan impak negatif secara kontinuitif ke atas generasi berikutnya. Inilah harga yang mereka bayar akibat terpedaya dengan modenisme dan hangus dalam bara modenisasi.

## **Kesimpulan**

Ketamadunan merupakan matlamat hidup manusia sejak zaman berzaman. Akan tetapi, istilah ketamadunan telah disinonimkan dengan kemodenan, padahal ketamadunan mempunyai takrifan yang dinamik dan progresif berbanding kemodenan. Sebahagian daripada cara fikir dan gaya hidup Barat masa kini dianggap moden, namun kemodenan itu sendiri (dalam aspek tertentu) telah menyalahi konsep ketamadunan dalam budaya Timur. Barat bukanlah Timur dan Timur berbeza daripada Barat. Menjalani hidup dalam arus kemodenan dan mengikuti alur kehidupan tersebut merupakan pilihan yang tidaklah kesemuanya salah. Namun, segala unsur negatif kemodenan yang menyalahi nilai dan budaya tempatan, seharusnya disamak dan disaring secara kritis. Lebih parah lagi, penularan budaya luar semakin membarahkan pemikiran, tingkah laku dan gaya hidup masyarakat tempatan kontemporari. Secara simplistik, mereka beranggapan menjalani kehidupan masa kini mestilah dengan mengikuti arus semasa. Mereka benar-benar terkeliru antara ketamadunan dengan kemodenan. Adakah nasi sudah menjadi bubur?

## Rujukan

- Altuwairizi, M., Jiang, N., & Ali, R. (2019). Problematic attachment to social media: Five behavioral archetypes. *International Journal Environment Research Public Health*, 16(12), 2136.
- Barrett, H.C. (2020). Towards a Cognitive Science of the Human Cross-Cultural Approaches and Their Urgency. *Trends in Cognitive Sciences*, 24(8), 620-638.
- Blaha, St. (2002). *The Life Cycle of Civilization*. Auburn, NH: Pingree-Hill Publishing.
- Cheshev, V.V. (2016). The anthropological meaning of the category of activity. *Questions of Philosophy*, 2, 22-32.
- Francois, Q., Antoine, C., Sharon, C., Leonardo Cruz, d. S., Sandra, B., Juan Felipe, C., et., al. (2022). Does culture shape our understanding of others' thoughts and emotions? An investigation across 12 countries. *Neuropsychology*.
- Gupta, M., & Sharma, A. (2021). Fear of missing out: A brief overview of origin, theoretical underpinnings and relationship with mental health. *World Journal of Clinical Cases*, 9(19), 4881-4889.
- Kabuye, U.S. (2016). Civilization: History, description, common characteristics and importance. *Journal of Education and Social Science*, 5(October), 27-38.
- Kenispaev, Z., Vakaev, V., Markin, V., & Serova, N. (2019). The image of civilized man in modern culture. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 393, 95-98.
- Kitchen, M. (2006). *A History of Modern Germany 1800-2000*. Victoria, Australia: Blackwell Publishing.
- McGaughey, W. (2000). *Five Epochs of Civilization*. Minneapolis, MN: Thistlerose Publications.
- Norazimah, Z., Naffi, M., Hasrina B., & Minah, S. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastra tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science*, 2, 67-74.
- Shadrikov, V. D., & Cheremoshkina, L.V. (1990). *Mnemonic abilities: development and diagnostics*. Moscow: Pedagogy.
- Shadrikov, V. D., Kurginyan, S.S., & Martynova, O. V. (2016). Psychological studies of thought: Thoughts about a concept of thought. *Psychology Journal of the Higher School of Economics*, 13(3), 558-575.
- Shaliza, D., Fazlina, M.R., Nurkhalizah, I., & Nur Hasliza, A. (2015). Perkembangan budaya

popular dan perubahan sosio-budaya Masyarakat pasca moden: Adaptasi budaya asing dalam perkahwinan Melayu. *ICOMHAC2015 Proceedings*. Century Helang Hotel, Pulau Langkawi.

Sowell, T. (1994). *Race and Culture*. New York: Basic Books.

Spengler, O. (1932). *The Decline of the West*. Oxford, NY: Oxford University Press.

Sternberg, R.J., & Funke, J. (2019). *The Psychology of Human Thought: An Introduction*. Heidelberg: Heidelberg University Publishing.

Stirner, M. (1994). *The Only and His Property*. Kharkiv: Basis Publishing.

Targowski, A. (2004). A Grand Model of Civilization. *Comparative Civilizations Review*, 51, 81-106.

Targowski, A. (2009). Towards a composite definition and classification of civilization. *Comparative Civilizations Review*, 60(6), 79-98.

Wang, Yi. (2007). Globalization Enhances Cultural Identity. *International Communication Studies*, 1.